

**LAPORAN PROGRAM PENEMPATAN SEMENTARA TENAGA PENCERAMAH
DALAMAN INSTUN KE PENTADBIRAN TANAH
DISEMBER TAHUN 2018**

PENDAHULUAN

“Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat isinya” merupakan pepatah yang diikat ketat urusetia dalam menganjurkan Program Penempatan Sementara Tenaga Penceramah Dalaman INSTUN ke Pentadbiran Tanah Tahun 2018 yang merupakan julung-julung kali diadakan. Kehebatan tenaga pengajar itu adalah berasaskan pada ilmunya, dan kekuatan tenaga pengajar itu adalah berasaskan pada pengalamannya. Berbicara tanpa asas, akan pincang dunia. Berbekal dengan falsafah ini, INSTUN hadir dengan pendekatan yang lebih agresif dalam memantapkan para pegawai khususnya bagi Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT), INSTUN yang kesemuanya adalah tenaga pengajar dalaman.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi atas ilmu dan kekuatan yang telah dipercikkan dalam menjayakan program ini. Buat pertama kali, program ini telah melibatkan seramai lapan orang pegawai BPPT untuk bekerja sambil menuntut ilmu di enam pentadbiran tanah negeri. Penglibatan pegawai adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH	TEMPAT	TAJUK
1.	En. Abdul Malek Bin Abdullah	Penolong Ketua Program, M41	10 hingga 19 Disember 2018 (8 hari)	Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Perak	Pelupusan Tanah
2.	En. Abnorhady Bin Abu Bakar	Penyelaras Program, NT32			Pembangunan Tanah
3.	Pn. Noranizawaty Binti Yusof	Penyelaras Program, NT32			Pengurusan Notis
4.	En. Muhammad Haziq Syuwari Bin Mahazir	Penolong Ketua Program, M41	10 hingga 21 Disember 2018 (10 hari)	Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh, Perak	Pendaftaran
5.	En. Ahmad Shahrizal Bin Abdul Mubin	Penyelaras Program, NT36	3 hingga 5 Disember 2018 (3 hari)	Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Negeri Sembilan	Pengambilan Tanah
6.	En. Zahar bin Sapar	Penyelaras Program, NT32	3 hingga 5 Disember 2018 (3 hari)	Pejabat Daerah Kecil dan Tanah Gemas, Negeri Sembilan	Urusniaga dan Bukan Urusniaga
7.	En. Azman Bin Mad Dali	Penyelaras Program, NT32	28 November hingga 4 Disember 2018 (5 hari)	JKPTG Persekutuan Negeri Melaka	Pengurusan Tanah Persekutuan
8.	En. Amran Bin Khalid	Penyelaras Program, NT32	28 November hingga 4 Disember 2018 (5 hari)	JKPTG Persekutuan Negeri Kedah	Pengurusan Tanah Persekutuan

Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah bagi memastikan pegawai baru di BPPT yang akan mengajar subjek-subjek dalam pengurusan dan pentadbiran tanah mempunyai pengalaman berkaitan pengurusan dan pentadbiran tanah. Ia adalah penting untuk melengkapkan diri tenaga pengajar dalaman sebagai nilai tambah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu juga, program ini membuka peluang tenaga pengajar yang berpengalaman untuk membuat kajian secara spesifik isu-isu yang berkaitan di pentadbiran tanah. Kejayaan pelaksanaan program ini akan menjadi perintis bagi menjadikan program ini sebagai program tahunan yang dapat memberi manfaat yang besar kepada tenaga pengajar dalaman INSTUN.

Sehubungan itu, penganjuran program ini telah mensasarkan objektif program seperti berikut:

- ◆ Memastikan para pegawai BPPT yang merupakan tenaga pengajar dalaman mempunyai pengalaman bekerja di pentadbiran tanah yang dapat membantu dalam penyampaian yang lebih berkesan;
- ◆ Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tenaga pengajar dalaman BPPT berhubung pemakaian, pelaksanaan dan amalan peruntukan undang-undang yang berkaitan di pentadbiran tanah;
- ◆ Menjadi medium pembelajaran dan perbincangan bagi tenaga pengajar dalaman BPPT untuk memahami isu-isu semasa perundangan tanah di pentadbiran tanah serta memahami akta-akta lain yang menyentuh pentadbiran dan perundangan tanah; dan
- ◆ Menjalin hubungan baik di antara pentadbiran tanah negeri dan INSTUN bagi tujuan perkongsian ilmu dan pengalaman dalam meningkatkan sistem pentadbiran tanah di Malaysia.

PENGISIAN PROGRAM

TEMPAT: PEJABAT DAERAH DAN TANAH MUALLIM, PERAK

PEGAWAI:

1. ABDUL MALEK BIN ABDULLAH
2. ABNORHADI BIN ABU BAKAR
3. NORANIZAWATY BINTI YUSOF

DAPATAN PROGRAM:

1. Melihat dan memahami amalan kerja di pentadbiran tanah untuk dijadikan panduan dalam menyampaikan ceramah di INSTUN.
2. Membuat perbandingan dengan lebih mendalam proses kerja permohonan tanah di pentadbiran tanah dengan proses kerja yang termaktub dalam peruntukan undang-undang.
3. Memahami proses kerja penghantaran notis yang dari peringkat menerima arahan sehingga selesai.
4. Mendapat pengalaman yang bermakna dengan mengikuti aktiviti kerja di pentadbiran tanah, sebagai contoh aktiviti melawat kawasan terlibat bagi membuat Laporan Tanah.
- 5.

GAMBAR AKTIVITI:




Gambar 1: Sesi taklimat dan penerangan oleh Penolong Pegawai Daerah (ADO), Pn Suhaili.




Gambar 2: Para pegawai INSTUN juga berkesempatan mengikuti Penolong Pegawai Tanah membuat siasatan dan Laporan tanah.



Gambar 3: Antara perkara yang dilaksanakan semasa menjalankan siasatan dan laporan ialah membuat temu bual dengan orang awam bagi mendapatkan maklumat.



Gambar 3: Membuat kajian berdasarkan fail-fail pentadbiran tanah.



Gambar 4: Mengadakan sesi temu bual bagi dengan Penghantar Notis mendapatkan pencerahan dengan sistem pengurusan notis.



Gambar 5: bergambar kenang-kenangan bersama Pegawai Daerah dan para pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Perak.

TEMPAT: PEJABAT DAERAH DAN TANAH IPOH, PERAK

PEGAWAI:

1. MUHAMMAD HAZIQ SYUWARI BIN MAHAZIR

DAPATAN PROGRAM:

1. Memahami dan merasai sendiri pengalaman secara praktikal bagi mengukuhkan teori serta pemahaman hal-hal berkaitan pendaftaran di pejabat tanah.
2. Mendapat input bagi topik-topik asas pembelajaran pentadbiran tanah di INSTUN seperti:
 - Bentuk-bentuk hakmilik
 - Klasifikasi, Kategori, Syarat dan Sekatan Kepentingan
 - Pengenalan kepada Urusniaga tanah
3. Dapat mempelajari segala proses, carta alir, prosedur dengan lebih mudah dan berkesan dengan merasai sendiri senario tersebut dari mula proses tersebut sehingga ke penghujung termasuk layanan kepada orang awam, senarai borang dan dokumen diperlukan, senarai semak serta kuasa kelulusan bagi setiap urusniaga dan bukan urusniaga di Kaunter Pendaftaran seperti proses:
 - Pindahmilik
 - Pindahmilik kepada Syarikat
 - Pindahmilik kepada warganegara asing
 - Gadaian
 - Melepaskan Gadaian
 - Perintah Jualan Pentadbir Tanah/Mahkamah
 - Pertukaran nama
 - Peletakan hak berkanun(wakaf)
 - Kaveat persendirian
 - Kaveat Lien
 - Tarik balik kaveat
 - Pemotongan kaveat
 - Perintah Pusaka

4. Menambah idea dengan membuat lawatan ke bilik kebal bagi melihat sendiri dokumen hakmilik sebelum KTN 1965 seperti Approve Application (AA) dan Entry Register Mukim (EMR).
5. Membaca dan memahami kaedah tanah negeri perak (Perak Land State Rules, 1966) yang dibekalkan oleh PDT untuk membantu meningkatkan pemahaman mengenai kaedah/pentadbiran tanah yang digunapakai di negeri Perak.
6. Mempelajari proses pelupusan bagi mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai urusan yang dilakukan sebelum pemilik/pemohon tanah pergi ke kaunter pendaftaran untuk pendaftaran proses hakmilik tanah.
7. Mengikuti bengkel e-tanah yang dipercayai membawa pentadbiran tanah ke arah yang lebih cekap dan efektif. Melalui e-tanah, sistem pengurusan data SPTB yang dipakai pada ketika ini akan dihentikan. Kejayaan Wilayah Persekutuan melaksanakan e-tanah telah menyakinkan pentadbir tanah di negeri ini menerima cadangan ke arah e-tanah.
8. Perkongsian penghantar notis mengenai prosedur notis-notis keluaran pejabat tanah dihantar turut dipelajari termasuk bukti penyampaian, endorsan notis usang, gambar bukit penyampaian serta hal-hal berkaitan perekodan notis:
 - Notis 5F (Dokumen hakmilik)
 - Notis 19A (Kaveat)
 - Notis 6A/8A (Rampasan/Tunggakan Sewa)
 - Pecah Bahagi/Pecah Sempadan
 - Siasatan
 - 7A (Pelanggaran Syarat)
 - Dan lain-lain


GAMBAR AKTIVITI:



Gambar 6: Bersama pegawai yang bertugas di kaunter




Gambar 7: Melihat perjalanan operasi di kaunter di PTD Ipoh.




Gambar 8: Sesi temubual bersama Pegawai Penempatan




Gambar 9: Sesi temubual bersama pengurusan tertinggi daerah



Gambar 10: Sesi semakan fail bagi mendapatkan maklumat



Gambar 11: Sesi semakan fail bagi mendapatkan maklumat



Gambar 12: Bersama kakitangan PTD Ipoh untuk mendapatkan pengesahan maklumat



Gambar 13: Antara maklumat bagi pelaksanaan Sistem e-Tanah di Negeri Perak

TEMPAT: PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN


PEGAWAI:

1. AHMAD SHAHRIZAL BIN ABDUL MUBIN

DAPATAN PROGRAM:

1. Membuat semakan ke atas fail-fail yang berkaitan dengan proses pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960.
2. Membuat perbandingan amalan dengan peruntukan undang-undang.
3. Memahami proses permohonan di bawah Seksyen 3(1)(b) seperti cadangan projek, pelan pengambilan, laporan permulaan penilaian dan fee yang berkaitan.
4. Menyemak proses penampalan dan penyampaian notis.
5. Menyemak proses siasatan dan tindakan permohonan ukur dan pengeluaran hak milik sambungan.

GAMBAR AKTIVITI:



Gambar 14: Proses semakan fail-fail berkaitan pengambilan tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Negeri Sembilan.

TEMPAT: PEJABAT DAERAH KECIL DAN TANAH GEMAS, NEGERI SEMBILAN

PEGAWAI:

1. ZAHAR BIN SAPAR

DAPATAN PROGRAM:

1. Memberi peluang untuk melihat secara praktikal urusan berkaitan Pendaftaran Urusniaga/Halangan Urusniaga dan Pendaftaran hakmilik tanah GSA. Sepanjang penempatan ini dapat meninjau dari aspek keperluan KTN dalam pendaftaran dan amalannya di Pejabat Tanah.
2. Berpeluang melihat beberapa perserahan di kaunter perserahan, Unit Pendaftaran PDTK Gemas. Memandangkan jumlah perserahan harian tidak berapa tinggi di pejabat ini, ia amat memadai untuk melihat beberapa urusan pendaftaran dari awalan, kemasukan dan keputusan melalui SPTB.
3. Proses utama dalam urusan berkaitan Pendaftaran adalah melibatkan Penyempurnaan Surat Cara, Pengakusaksian Surat cara, Mengenakan Setem bagi Surat Cara, Perserahan Surat Cara (termasuk dokumen-dokumen yang perlu disertakan), Menahan/Menggantung Surat cara dan Pendaftaran dapat difahami dengan melihat secara praktikal.
4. Dapat memahami proses penyaksian Pindah Milik Tanah yang melibatkan tanah GSA 1960 selain memahami tugas dan tanggungjawab Pentadbir tanah dalam proses penyaksian ini.
5. Mendapat input bagi proses seterusnya melibatkan pengenaan setem surat cara di bawah Akta Setem 1949.
6. Memahami proses seterusnya melibatkan penentuan kelayakan oleh Pendaftar yang merupakan benteng terakhir bagi memastikan surat cara adalah layak untuk didaftarkan.
7. Melihat amalan bagi pendaftaran dan pendepositan melibatkan Surat Ikatan Amanah. Surat Ikatan Amanah merupakan satu peruntukkan yang kecil di dalam KTN namun begitu implikasinya amatlah besar dan sering timbul dalam perbincangan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di INSTUN.

8. Memndapat banyak ilmu baru secara praktisnya yang berguna bagi sesi ceramah bagi tajuk yang berkaitan.

GAMBAR AKTIVITI:



Gambar 15: Sesi Suaikenal bersama pengurusan tertinggi daerah



Gambar 16: Bersama kakitangan PDKT Gemas dalam proses penyaksian instrumen Pindah Milik tanah



Gambar 17: Proses penyaksian instrumen Pindah Milik Tanah

TEMPAT: JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI MELAKA

PEGAWAI:

1. AZMAN BIN MAD DALI

DAPATAN PROGRAM




Sepanjang program penempatan sementara di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Melaka, Urusan Pengurusan Tanah Persekutuan di Negeri Melaka dapat dipelajari dari aspek peranan dan tugas- tugas yang dilaksanakan oleh JKPTG Negeri Melaka seperti:

- i. Urusan Permohonan Pengesahan status Tanah (PST).
- ii. Urusan Penyediaan Kertas ulasan JKPTG Melaka berkenan permohonan jawatankuasa ruang pejabat (JRP 1 – JRP 7).
- iii. Urusan penyediaan senarai/ bil cukai tanah milik PTP Negeri Melaka bagi Tahun semasa.
- iv. Urusan permohonan pelepasan untuk tanah milik dan rizab.
- v. Urusan penyimpanan dan mengemaskini rekod Tanah Persekutuan.
- vi. Urusan permohonan pemberimilikan Tanah Persekutuan bagi maksud milik/rizab.
- vii. Urusan penyewaan tanah milik Persekutuan.



GAMBAR AKTIVITI



Gambar 18: Bersama pengurusan tertinggi JKPTG Negeri Melaka



Gambar 19: Antara aktiviti yang dijalankan di JKPTG Negeri Melaka



Gambar 20: Proses semakan fail bagi mendapatkan maklumat

TEMPAT: JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI KEDAH

PEGAWAI:


1. AMRAN BIN KHALID

DAPATAN PROGRAM

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program penempatan sementara di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Kedah adalah seperti berikut:

- i. Menyemak urusan permohonan pemberimilikan tanah (Jadual 1) oleh kementerian /Jabatan dan Pengguna (KJP) ke JKPTG Kedah. Kajian kes adalah berkenaan Perizaban Lebuhraya Daerah Kuala Muda.
- ii. Seterusnya, berpeluang membuat siasatan (lawatan tapak) aduan dari Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) berkenaan pencerobohan tapak Non Directional Beacon Alor Merah Lot 1534 Alor Merah, Bandar Alor Setar, Daerah Kota Setar.
- iii. Urusan penyediaan senarai/ bil cukai tanah milik PTP Negeri Kedah bagi Tahun semasa.
- iv. Bersama-sama JKPTG dalam Mesyuarat Penguatkuasaan SJKC Mah wah, Padang Lembu, Bandar Gurun.
- v. Membuat siasatan dan laporan tanah bagi tapak Pejabat KEMAS Daerah Yan/ Parlimen Jerai.

GAMBAR AKTIVITI:



Gambar 21: Semakan fail




Gambar 22: Lawatan tapak dan perbincangan bersama pegawai

KESIMPULAN

Tugas dan tanggungjawab para pegawai di BPPT bukanlah sekadar menyelaras kursus-kursus yang dianjurkan, tetapi juga termasuk menyampaikan ilmu berkaitan tanah kepada para peserta. Sesungguhnya, tugas dan tanggungjawab ini adalah besar kerana ilmu yang dicurahkan akan menjadi rujukan dan amalan di pentadbiran tanah. Kejayaan melaksanakan program ini telah memberikan kesan dan impak yang positif kepada tenaga pengajar dalaman INSTUN. Antaranya ialah:


- ◆ Keyakinan tenaga pengajar dalaman INSTUN semakin meningkat terutama bagi tenaga pengajar yang baru.
- ◆ Isu-isu yang spesifik yang memerlukan penjelasan dari aspek amalan di pentadbiran tanah dapat difahami dengan pemerhatian secara langsung.
- ◆ Perkongsian secara langsung dari pentadbiran tanah terhadap latihan yang dianjurkan di INSTUN bagi penambahbaikan.
- ◆ Hubungan erat antara pentadbiran tanah dan INSTUN yang merupakan satu-satunya institusi latihan kepada anggota pentadbiran tanah dapat dijalin.
- ◆ Kerjasama dalam pelaksanaan program seumpama dan lain-lain program dapat diperkembangkan.

Disediakan oleh:


 (ABDUL MALEK BIN ABDULLAH)
 PENOLONG KETUA PROGRAM
 BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH
 INSTUN

25/1/2019.

Disahkan oleh:


 (SYAMSUL HAZEMAN BIN MD SALLEH, A.M.P.)
 KETUA BAHAGIAN
 BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH
 INSTUN

29-1-2019